

Bina semula kekuatan umat Islam – Najib

Daripada MUSTAFA KAMAL BASRI

JEDDAH 27 Feb. – Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak seluruh umat Islam bersatu-padu bagi mengukuhkan kedudukan dan membina semula kekuatan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pada masa ini masyarakat Islam berpecah belah dan dibelenggu dengan pelbagai kelemahan.

“Realitinya ialah kita (umat Islam) sering bergantung kepada orang lain bagi menyelesaikan banyak masalah yang kita hadapi, sedangkan banyak penyelesaian kepada pelbagai isu tersebut boleh diselesaikan dalam lingkungan dunia Islam,” katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Penswastaaan - Pengalaman Malaysia* pada hari terakhir Forum Ekonomi Jeddah di sini, hari ini.

Sambil memetik peribahasa Melayu ‘apabila paha kiri dicubit, paha kanan terasai’, Najib menggesa umat Islam kembali menghayati semangat kerjasama dan

kekeluargaan.

Najib berkata, forum seperti itu perlu digunakan untuk memupuk setia kawan dalam Islam demi menuju keredhaan Tuhan.

Ketika menghuraikan tentang dasar penswastaaan Malaysia, Najib berkata, ia perlu nafas baru bagi memastikan ia terus menjadi dasar yang berkesan dan berjaya sebagai agen pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu bagi memastikan penswastaaan mampu berdepan dengan pelbagai cabaran masa kini dan persaingan di peringkat global.

Menurutnya, sejak dasar itu diperkenalkan, kerajaan telah menswastakan sebanyak 490 kegiatan sektor awam, agensi, syarikat dan projek sehingga Disember 2005.

“Langkah itu (penswastaaan) merupakan dasar yang berjaya dan telah dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan.

“Langkah itu juga telah dapat mengurangkan pinjaman kerajaan melalui penjualan syarikat-syarikat yang mempunyai

um-28/2/2007.

Realitinya ialah kita sering bergantung kepada orang lain bagi menyelesaikan banyak masalah, sedangkan banyak penyelesaian kepada pelbagai isu tersebut boleh diselesaikan

**NAJIB
TUN
RAZAK**
Timbalan
Perdana
Menteri

kepentingan kerajaan.

“Penswastaaan telah dapat menjimatkan perbelanjaan mengurus kerajaan sebanyak RM7.7 bilion setahun melalui projek-projek penswastaaan.

“Kerajaan juga telah dapat menjimatkan perbelanjaan modal dan pembangunan sebanyak RM153.6 bilion iaitu merupakan satu pertiga daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK),” katanya.

Najib berkata, kerajaan juga dapat menambah pendapatan daripada bayaran pajakan serta cukai ke atas keuntungan korporat.

Selain itu, katanya, kerajaan dapat mengurangkan beban dari segi pentadbiran

apabila seramai 113,000 kakitangan awam dalam agensi dan syarikat awam milik kerajaan diswastakan.

Forum Ekonomi Jeddah dianjurkan oleh Dewan Perindustrian dan Perniagaan Jeddah (JEF) bagi mempromosi bandar raya ini sebagai pusat komersial Arab Saudi serta pusat perdagangan, perniagaan dan perbankan di Asia Barat.

Forum kali ini bertemakan: *Reformasi Ekonomi: Pentas Kemajuan dan Garisan Pengembangan* dihadiri oleh pemimpin swasta dan awam tempatan dan serantau dan antarabangsa.

– Utusan